

# **BAB IV**

## **BAB IV: KONTEKS AYAT DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT DAN PEMBINAAN KELUARGA ISLAM**

Bab II telah memaparkan ayat-ayat kemasyarakatan yang terdapat dalam surah al-Nisā', walaupun tidak semua yang diketengahkan oleh penulis, iaitu hanya beberapa ayat sahaja, namun ia sudah cukup menunjukkan betapa prihatinnya Allah terhadap kepentingan hidup bermasyarakat, samada antara hubungan manusia dengan Allah atau hubungan manusia dengan manusia . Melalui bab IV pula, penulis akan menghubungkan dan mengaitkan ayat-ayat kemasyarakatan dalam bab II untuk tumpuan kepada pembinaan keluarga Islam . Ayat 6, 34 -35, 36 dan 148-149 adalah merupakan ayat sasaran penulis bagi memenuhi ruangan bab IV .

Institusi keluarga adalah merupakan asas kepada pembangunan insan yang bahagia dan pembentukan sesebuah negara maju, bermaruah dan dihormati . Ia memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan tapak semaihan bagi sesebuah masyarakat<sup>1</sup> . Islam amat prihatin terhadap pembinaan keluarga, keluarga yang kukuh dan utuh adalah asas untuk membina masyarakat kukuh dan

---

<sup>1</sup>Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat, *Bersama Keluarga Ke Alaf Baru Sehati, Sejiwa, Seharmoni dalam Imbasan 10 Tahun Kempen Gerakan Keluarga Bahagia, Lembaga Penduduk dan pembangunan Keluarga Negara, Malaysia, 1999, helaian 2 .*

institusi keluarga juga merupakan sumber tamadun kemanusiaan<sup>2</sup>. Justeru itu al-Quran dan Hadis adalah panduan utama dalam melayari hidup berkeluarga . Untuk seterusnya penulis menjadikan konteks ayat 6, 34 -35, 36 dan 148-149 sebagai hubungan dalam kemasyarakatan dengan pembinaan keluarga Islam .

#### 4.1 MEWUJUDKAN SUASANA KELUARGA PENYAYANG TERHADAP ANAK YATIM

Ayat 6 :

وَابْتَلُوا الَّذِي تَمَنُّ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا الْتِكَاحَ فَإِنْ عَانَسْتُمْ مَنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوهُ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًاٌ وَبِدَارًاٌ أَن يَكْبِرُواٌ وَمَن كَانَ عَنِّيَا فَلَيُسْتَعْفِفَ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلِيَأُكُلْ بِالْمَعْرُوفِ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَاْشُهُدُوا عَلَيْهِمْ وَكَفَنْ بِاللَّهِ حَسِيبًا ①

Surah al-Nisa' (3) : 6

**Maksudnya:**

"Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah dia menahan diri (dari memakannya) dan sesiapa yang miskin maka bolehlah dia memakannya dengan cara yang

<sup>2</sup> Muhammad al-Bâhi (1975), *al-Fikr al-Islâmi wa al-Mujtama'* al-Mu'âsir, Beirut : Dâr al-Kutub al-Lubnâni, h. 419 .

sepertunya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).<sup>3</sup>

Terjemahan Surah al-Nisā' (3): 6 .

Asas yang paling utama dalam melaksanakan tanggungjawab ialah kasih sayang yang berlandaskan Islam . Anak-anak yatim yang hidup tanpa ibu bapa adalah begitu mengharapkan kasih sayang dari orang lain untuk menyayangi mereka<sup>4</sup>, justeru itu ibu bapa angkatlah memainkan peranan tersebut. Berpandukan kepada ayat 6 Surah al-Nisā' tersebut, Islam adalah agama yang amat prihatin terhadap kebajikan anak-anak yatim, terdapat banyak kelebihan untuk orang yang memuliakan dan memberikan perlindungan kepada mereka, hakikat ini dapat dirungkaikan melalui Hadis Rasulullah s.a.w. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَيْرُ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ لِيَهُ . وَشَرُّ بَيْتٍ فِي الْمُسْلِمِينَ بَيْتٌ فِيهِ يَتِيمٌ يَسْأَلُ إِلَيْهِ .  
5

#### Maksudnya :

“Sebaik-baik rumah orang-orang Islam adalah yang mempunyai anak yatim yang dijaga dan dilayan dengan baik, manakala sebaliknya beroleh keburukan andainya anak yatim yang berada dirumah tersebut mendapat layanan yang buruk” .

Dalam suasana yang penuh mencabar pihak pengjaga perlu menyusun strategi yang sesuai dan sebaik mungkin untuk memenuhi kehendak Islam

<sup>3</sup> Tafsir Pimpinan al-Rahmān Kepada Pengertian al-Qurān (2000) .

<sup>4</sup> Sa'īd Hawwā (1980), *Jumdu Allah Thaqāfatan wa Akhlāqan*, Abidin : Maktabah Wahbah, h. 184.

<sup>5</sup> Muḥammad b. Yazīd b. Mājah (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Kitāb al-Adab, Bāb Haq al-Yatīm, no. hadis 3679, j.2, h.1213 .

didalam melaksanakan amanah menjaga anak yatim yang merangkumi keperluan jasmani dan rohani . Sabda Rasulullah s.a.w. :

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا وَكَافِلُ الْيَتَمِ فِي الْجَنَّةِ  
كَهَاتِينَ وَأَشَارَ بِاصْبَعِيهِ يَعْنِي السَّبَابَةَ وَالْوُسْطَى .<sup>6</sup>

#### Maksudnya:

“Melalui Sahal b. Saad, Sabda Rasulullah s.a.w. : Apabila Saya dan penjaga anak yatim berada di syurga, kami berdua bagaikan dua ini ( ditunjukkan kepada dua jarinya ) iaitu diantara jari telunjuk dan jari tengah”.

Hadis tersebut menunjukkan penjaga yang melayan anak-anak yatim dengan baik akan ditempatkan di samping Rasulullah s.a.w. di Syurga .

Antara Tugas dan tanggungjawab ibu bapa sebagai penjaga kepada anak yatim yang dituntut oleh Islam ialah :

1. Memberi nafkah untuk mereka dan menjaga serta mengurus harta peninggalan ibu bapa mereka dan menyerahkannya kembali apabila mereka dewasa .
2. Menyediakan keperluan jasmani dan rohani .
3. Memberi kasih sayang yang adil di antara anak sendiri dan anak yatim sebagai anak angkat .
4. Memberikan didikan agama dan pembelajaran yang secukupnya bagi persiapan masa depannya .<sup>7</sup>

<sup>6</sup>Muhammad b. 'Isā al- Tirmidī (1975), *al-Jāmi' al-Šaḥīḥ wa Huwa Sunan al-Tirmidī*, T.T.P. : T. P., Kitāb al-Birr wa al-Šilah, Bāb fī Rājmah al-Yatīm wa Kifālatīhi, no. hadis 1918, j.3, h. 321 .

<sup>7</sup>'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1983), *al-Takṣīf al-Ijtīmā'i fī al-Islām*, T.T.P. Dār al-Salām, h. 61 .

Amanah penjaga dalam melindungi dan mengurus harta anak yatim dengan bijak adalah dituntut oleh Islam selaras dengan ayat 6 dalam Surah al-Nisā'. Seterusnya dalam institusi keluarga, bagi setiap bapa yang mempunyai harta adalah bertanggungjawab untuk mewariskan harta peninggalan untuk anak-anak dan ahli keluarga yang terdekat, supaya anak-anak yang akan ditinggalkan tidak menjadi anak-anak yatim yang miskin, keadaan ini dapat dilihat dalam ungkapan Hadis Rasulullah s.a.w. :

عن عامر بن سعد بن أبي وقاص عن أبيه قال مرضت بمكة مرضًا فأشفبت  
منه على الموت فاتاني النبي فقلت يا رسول الله إِنَّ لِي مَا لَا كُنْيَرَا وَلَيْسَ  
بِرَثْيَنِي لِلأَبْيَنِي أَمَا تَصْدِقُ بِشَيْءٍ مَالِيِّ فَقَالَ لَا قَالَ فَانْشَطَرَ قَالَ لَا قُلْتَ  
الثَّلَاثُ قَالَ : الْثَّلَاثُ كَبِيرٌ إِنْكَ إِنْ تَرَكْتَ وَلَدَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ  
تَرُكُوهُمْ عَائِلَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ ... 8

#### Maksudnya :

"Diriwayatkan daripada Amir bin Sa'ad bin Abi Waqqas r.a melalui ayahnya katanya: Pada waktu Haji Wida' Rasulullah s.a.w menziarahiku ketika aku sedang sakit tenat. Waktu itu aku berkata: Wahai Rasulullah! aku ini seorang hartawan dan hanya seorang anak perempuan sajalah yang akan mewarisi harta saya. Adakah saya boleh mengeluarkan sedekah dua pertiga dari harta saya? Baginda menjawab: Tidak! Aku bertanya lagi: Bagaimana kalau sebahagiannya? Baginda menjawab: Tidak! Tetapi satu pertiga dan satu pertiga itu sudah banyak. Sesungguhnya jika kamu meninggalkan ahli warisman dalam keadaan kaya itu lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan papa dan meminta-minta kepada orang lain...".

Dengan berpandukan Hadis tersebut jelaslah peranan keluarga adalah penting untuk semua bidang kehidupan bagi menjamin masa depan ahli keluarga

<sup>8</sup> Ahmad b. 'Ali b. Hajar al-'Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī bi-Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dār al-Ma'rifah . Kitāb al-Farā'id, no. hadis 6733, j.12, h. 14 .

baik untuk isteri, anak-anak dan anak-anak yatim yang merangkap sebagai anak angkat .

#### 4.2 KEPIMPINAN SUAMI DALAM RUMAH TANGGA

Ayat 34 :

أَلْرِجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى الْتِسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ  
وَبِمَا أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحُاتُ قَدِيرُاتٌ حَفِظَتِ لِلْغَيْبِ بِمَا  
حَفِظَ اللَّهُ وَالَّذِي تَخَافُونَ نُشُورُهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي  
الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْتُكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا كَبِيرًا



Maksudnya :

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang salah itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar ”.

Ayat 34 yang mengutarakan betapa berat tanggungjawab seorang suami yang merangkap sebagai ketua atau pemimpin keluarga dalam mengemudi

rumah tangga supaya kehidupan sentiasa dalam suasana sejahera dan direndai Allah .

Lelaki yang dianugerahkan oleh Allah dengan mempunyai beberapa ciri, antaranya sifat kasar, kekerasan, menggunakan pemerhatian dan berfikir dahulu sebelum bertindak <sup>9</sup> serta kekuatan tubuh badan dan akal fikiran yang bijak, adalah layak untuk memimpin wanita dan rumah tangga . Di mana wanita pula mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan kaum lelaki iaitu bersifat lembut cepat bertindak tanpa berfikir panjang <sup>10</sup>yang sesuai sebagai seorang ibu .

Melalui perintah tersebut, adalah suatu tamparan hebat kepada kaum lelaki dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai suami dan juga ketua keluarga . Semua kaum lelaki sepatutnya sedar akan hakikat ini . Bukannya satu permainan untuk menerajui tugas yang maha berat ini, pihak lelaki perlu membekalkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan khususnya ilmu agama . Dengan kesedaran tersebut, suami patut merealisasikannya dalam pergaulan harian dengan isteri . Setiap suami perlu berusaha untuk menjadi suami yang ideal dan sebagai ketua keluarga, ia berhak untuk dihormati dan ditaati, samada oleh isteri dan anak-anaknya . Suami yang baik adalah suami yang menghormati isterinya begitulah sebaliknya bagi suami yang suka menghina isteri adalah merupakan suami yang hina . Melalui ungkapan Hadis seterusnya :

<sup>9</sup> Sayyid Qutb (1982), *Fī Zilāl al-Qurān*, j. 5, Beirut: Dār al-Syūrūq, h. 651 .

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 650 .

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال ، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يُفِرُّكَ مُؤْمِنٌ  
مُؤْمِنَةً، إِنَّ كُلَّةً مِنْهَا خَلَقَ رَبُّكَ مِنْهَا آخَرَ .<sup>11</sup>

#### Maksudnya :

“Janganlah seorang lelaki yang mukmin membenci wanita mukminah . Jika seseorang lelaki tidak menyukai wanita kerana rupanya, ada orang lain yang menyukainya”.

Oleh itu contoh terbaik suami ideal ialah Rasulullah s.a.w , baginda melayani dan bergaul dengan isteri-isterinya dengan sebaik mungkin . Baginda banyak bersabar kerana memahami karenah wanita <sup>12</sup>.

Dalam membincangkan persoalan ini, ayat 35 yang telah pun dipaparkan dalam bab II juga menunjukkan bahawa suami perlu berusaha untuk membentuk rumah tangga yang aman damai tanpa persengketaan. Segala permasalahan yang dihadapi diselesaikan secara adil. Dengan ini, selamatlah keluarga daripada seksaan azab Neraka . sebagaimana firman Allah s.w.t :

يَتَأْيِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوَّا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيَّكُمْ  
تَارًا

Surah al-Tahrim (66) : 6 .

<sup>11</sup> Muslim b. al-Hajjāj al- Quṣayrī (1994), Ṣaḥīḥ Muslim: *Bi- Syarḥ al-Imām Muhyī al-Dīn al-Nawawī al-Musammā al-Manhaj*, Beirut: Dār al-Ma'rifah. Kitāb al-Ridā', no. hadis 3633, j.10, h. 299 .

<sup>12</sup> 'Afīf 'Abd al-Fattāḥ Tabbārah (1984), *Ma'a al-Anbiyā' fī al-Qur'ān al-Karīm*, Beirut : Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 436 .

## **Maksudnya :**

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka ....” .

Terjemahan Surah al-Tahrim (66 ) : 6

Ciri-ciri suami sebagai pemimpin :

1. Di peringkat diri, seorang suami boleh memimpin diri dengan menyedari tanggungjawabnya terhadap dirinya dan berusaha menjadi ahli ibadah disamping melaksanakan tugas seharian<sup>13</sup> .
2. Di peringkat keluarga, seorang suami berusaha memimpin ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak<sup>14</sup> . Memberi pendidikan agama secukupnya untuk ahli keluarga agar mereka tidak terjerumus ke lembah maksiat seterusnya sentiasa berterusan mematuhi perintah dan ajaran Allah .
3. Di peringkat masyarakat, suami perlu menjadi pelopor kepada keluarga dalam melaksanakan tugas berbuat baik kepada jiran tetangga, tetamu, sahabat handai dan pendekatan kepada masjid dan ahli-ahlinya<sup>15</sup> .
4. Di peringkat negara, seorang suami harus sedar bagaimanakah untuk menyumbang dan berbakti kepada negara untuk menjadikan Islam sebagai tunggak negara, yang sememangnya tugas semua umat Islam<sup>16</sup> . Keperluan ahli

---

<sup>13</sup> Abu Mohd. Jibril Abdul Rahman (1996), *Lelaki Soleh*, Pustaka Al-Ansar, Kuala Lumpur, h. 78.

<sup>14</sup> *Ibid*, h. 128 .

<sup>15</sup> *Ibid*, h. 126 .

<sup>16</sup> *Ibid*, h. 123 .

keluarga kepada pemimpin dapat dinyatakan dari peristiwa masyarakat Mekah firman Allah dalam Surah al-Nisā' ayat 75 :

وَمَا لَكُمْ لَا تُقْدِيْلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الْرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ  
وَالْوُلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبُّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرِيْبَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا  
وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا

٧٥

Surah al-Nisā'(4): 75.

Maksudnya :

"Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami) dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)".

Terjemahan Surah al-Nisā'(4): 75.

5. Di peringkat antara bangsa, andainya mampu, seorang suami Islam perlu terus maju untuk memimpin sesbuah organisasi di peringkat antara bangsa, seperti yang ada sekarang ialah UNESCO dan sebagainya .
6. Di peringkat umat Islam, seorang suami perlu menyambung tugas Rasulullah

s.a.w. dalam memberi pimpinan kepada umat Islam untuk terus maju dan cemerlang<sup>17</sup>.

Melalui peringkat demi peringkat tersebut, seorang suami mithali perlu mampu terlebih dahulu menjadi pemimpin keluarga supaya rumahtangganya dan keluarganya hidup dalam suasana diredai Allah .

#### 4.3 CINTAKAN ALLAH SEBAGAI ASAS UNTUK BERBAKTI KEPADA AHLI KELUARGA DAN MASYARAKAT

Ayat 36 :

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئاً وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا  
وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى  
وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا  
مَلَكْتُ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالاً

فَخُورًا

**Maksudnya :**

“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak

<sup>17</sup> Afif 'Abd al-Fattah Tabbarah (1984), op. cit. , h. 423 .

yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri”.

Manakala ayat 36 pula mendedahkan bagaimana manusia berhubung dengan Allah dan bagaimana manusia berhubung serta berinteraksi dengan sesama manusia di samping mengamalkan sifat-sifat mahmudah . Suasana yang baik dan harmoni boleh tercapai hanya melalui pembinaan keluarga yang bahagia yang mengikut lunas-lunas Islam .

Dalam proses membina keluarga cemerlang, ketua keluarga yang merangkap sebagai suami dan bapa bersepada dengan isteri menjalinkan hubungan yang erat dengan Allah melalui beribadat kepadanya semata-mata . Melazimkan diri dengan beribadat berdasarkan rukun Islam yang lima adalah memenuhi tuntutan Allah . Melakukan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan dan sebagainya, adalah pastinya beroleh keredaan Allah, apalagi andainya dibajai dengan amalan-amalan sunat yang lain . Ini bererti pendekatan yang digunakan dalam berinteraksi dengan anak-anak yang paling utama ialah pendidikan iman, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-

افتتحوا على صبيانكم أولاً كنمة بلا إله إلا الله: <sup>18</sup> Hakim melalui Ibn Abbas r.a.

<sup>18</sup> 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlād fi al-Islām*, Juz. 1, h. 158 .

## Maksudnya :

“Bukakan hati anak-anak kamu itu dengan ucapan yang pertama sekali, iaitu Laa Ilaaha Illallaah ( Tiada Tuhan melainkan Allah )” .

Melalui ayat 36, umat manusia diperintah supaya menyembah Allah sahaja, pastinya biarlah ke tahap seolah-olah kita melihatnya dan andainya kita tidak melihatnya maka dia melihat kita <sup>19</sup>. Dengan hubungan yang rapat dari setiap individu dengan Allah Tuhan pencipta semesta alam, terjalinlah pula hubungan manusia dengan manusia iaitu manusia yang berada di gred pertama yang paling utama dari yang lain ialah ibubapa .

### 4.3.1 Ketaatan Yang Padu Kepada Kedua Ibu Bapa

Ibu bapa adalah segalanya, justeru itulah dalam al-Quran, perintah menyembah Allah sering beriringan dengan perintah berbuat baik terhadap ibu bapa . Yang jelasnya dua lagi antara ayat-ayat al-Quran sebagai contoh yang dipaparkan di sini selain dari ayat 36, iaitu :

1. Surah al-Isrā’ , ayat 23-24 :

\* وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوْا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالَّدَيْنِ إِحْسَنَّا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكُمْ الْكِبَرَ أَخْذُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقْرُلْ لَهُمَا أُفْقٌ وَلَا تَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذَّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّي أَرْحَمَهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

<sup>19</sup> Sa’id Hawwā (1980), *Jundū’ Allāh Thaqāfātān wa Akhlāqān*, Abidin : Maktabah Wahbah, h. 180.

### Maksudnya :

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha” dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”(23).

“Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): Wahai TuhanKu! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil”(24).

Terjemahan Surah al-Isrā' (17) : 23-24 .

### 2. Surah Luqmān, ayat 14-15 :

وَوَصَّيْتَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتُهُ أُمُّهُ وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنَّ وَفَصِيلَةٌ وَفِي  
عَامِيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾ وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ  
تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا  
مَعْرُوفٌ وَأَتَيْتُكَ سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ إِلَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ مَرِجْعَكُمْ فَأَتَيْتُكُمْ  
بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

### Maksudnya :

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)”(14).

“Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuKuKu sesuatu yang engkau dengan fikiran

sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang salih). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan”(15).

Terjemahan Surah Luqmān (31) : 14-15.

Seterusnya perkara tersebut juga seringkali diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui Hadisnya, antaranya ialah :

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْعَاصِ، قَالَ الرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، رِضَا الرَّبِّ فِي رِضَا

الْوَالِدِ، وَسَخْطُ الرَّبِّ فِي سَخْطِ الْوَالِدِ.<sup>20</sup>

#### Maksudnya :

“Diriwayatkan dari Amru ibn al’as, sabda Rasulullah s.a.w Keredaan Allah bergantung kepada keredaan ibu bapa, dan kemurkaan Allah bergantung kepada kemurkaan ibu bapa”.

Melalui ayat al-Quran dan al-Hadith, jelaslah bahawa Allah tidak menerima ibadat seseorang tanpa berbuat baik kepada kedua ibu bapa .

<sup>20</sup> Muhammad b. Ismā‘īl al-Šan‘ani (1979), *Subul al-Salām : Syarḥ Bulugh al-Mārūm min Jām‘ al-Abkām*, Kaherah : Maktabah ‘Ātif, Kitāb al-Birr wa al-Šilāh, no. hadis : 1373, j. 4, h. 5137 .

#### **4.3.2 Mengeratkan Hubungan Silatulrahim Dengan Anggota Masyarakat :**

Setelah memastikan tugas dan tanggungjawab untuk kedua ibu bapa, isteri dan anak-anak terlaksana dengan sempurna, diikuti pula tugas berbuat baik untuk sesama insan yang lain, khususnya sesama muslim yang merupakan sebahagian dari masyarakat dan melalui al-Quran iaitu ayat 36, beberapa peringkat masyarakat tersebut ialah :

- a. Saudara Mara Atau Kaum Kerabat
- b. Anak-anak Yatim Dan Orang-orang Miskin
- c. Jiran Tetangga
- d. Sahabat Handai
- e. Anak-anak Di Perantauan
- f. Orang Suruhan

Setiap keluarga, perlu mengetahui bagaimana cara untuk melayani enam peringkat masyarakat tersebut, sebagai memenuhi kehendak dan tuntutan Islam . Adalah tidak wajar sama sekali setiap individu keluarga menyisihkan diri tanpa menghiraukan masyarakat sekeliling, sedangkan antara satu sama lain saling memerlukan .

#### 4.3.2(a)      **Saudara Mara Atau Kaum Kerabat**

Berbuat baik dengan kaum kerabat ialah dengan cara menghubungkan silatulrahim, melalui budi pekerti yang tinggi dan tulus ikhlas, akan wujudlah suatu masyarakat yang harmoni tanpa ada persengketaan, segalanya adalah bermula dari rumah dan pendidikan keluarga yang beretika . Pentingnya hubungan silatulrahim dapat dilihat dalam Hadis:

عن جبير بن مطعم رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال لا يدخل الجنة قاطع<sup>21</sup>.

#### **Maksudnya :**

“Diriwayatkan daripada Jubair bin Mut’im r.a katanya: Nabi s.a.w bersabda: Tidak akan masuk Syurga orang yang memutuskan hubungan kekeluargaan (silatulrahim)”.

Silatulrahim adalah kunci untuk mencapai keredaan Allah, memutuskannya bererti putuslah hubungan seorang hamba dengan Allah . Berbuat baik kepada setiap makhluk adalah dituntut oleh Islam, berbuat baik kepada setiap manusia akan diganda balasan pahalanya dan berbuat baik kepada kaum kerabat akan berganda-ganda lagi kebaikan untuk seseorang itu<sup>22</sup> . Adalah besar kelebihannya menghubungkan silatulrahim, ini terbukti melalui Hadis :

عن أبي أيوب رضي الله عنه ان رجلا قال يا رسول الله أخبرنى بعمل يدخلنى الجنة ، فقال

<sup>21</sup> Ibn Hajar Al-‘Asqalānī (t.t), *op. cit.*, Kitab al-Adab, riwāyah al-Bukhārī, no. Hadis : 5984, j.10, h. 415.

<sup>22</sup> Sa’id Hawwā (1980), *op. cit.*, h. 182 & 183 .

النبي صلى الله عليه وسلم ، تعبد الله لا تشرك به شيئاً . وتقيم الصلاة ، وتصل  
الرحم .<sup>23</sup>

#### Maksudnya :

“Hadis Abu Ayub al-Ansari: Seorang lelaki berkata wahai Rasulullah katakanlah kepadaku perkara yang boleh mendekatkanmu kepada syurga. Lalu Rasulullah s.a.w bersabda: Engkau hendaklah mengabdikan diri kepada Allah, jangan menyekutukannya dengan sesuatu, dirikanlah sembahyang, keluarkanlah zakat dan pulihkanlah hubungan kekeluargaan”.

#### 4.3.2(b) Anak-anak Yatim Dan Orang Miskin

Anak-anak yatim juga berhak untuk menikmati hidup senang seperti orang lain dan mempunyai cita-cita yang tinggi . Kita dapat lihat melalui sejarah, pelopor anak yatim yang paling besar di dunia ini ialah Nabi kita Muhammad s.a.w. Begitulah juga dengan orang miskin, tunjukkanlah kasih sayang kepada mereka. Seharusnya mereka mendapat perhatian istimewa daripada masyarakat Islam yang lain, apa lagi orang miskin yang tahu harga diri tidak mahu menunjukkan kemiskinan mereka sedangkan mereka memerlukan pertolongan dan bantuan<sup>24</sup>.

#### 4.3.2 (c) Jiran Tetangga

Jiran adalah anggota masyarakat yang paling terdekat dengan rumah yang dihuni oleh sesebuah keluarga . Menunjukkan sikap yang baik dengan berbudi

<sup>23</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī (t.t.) *op. cit.* , Kitāb al-Adab, no. hadis : 5983, j. 10, h. 414 .

<sup>24</sup> Hamka (1984) *Tafsir al-Azhar*, j. 5, T.T.P. : Yayasan Nurul Islam, h. 75 .

kekerti mulia adalah sangat dihargai oleh Islam sebagai sebahagian dari kekuatan iman . Sebagaimana Hadis berikut:

عن أنس بن مالك رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال والذى نفسه بيده لا يؤتمن عبد حتى يحب لجراه ما يحب لنفسه .<sup>25</sup>

#### Maksudnya :

“Diriwayatkan daripada Anas bin Mālik r.a katanya: Nabi s.a.w telah bersabda: Tidak sempurna iman seseorang itu, Sehingga dia kasihkan jiran tetangganya, sebagaimana dia kasihkan dirinya sendiri ”.

Tanpa mengira jiran itu muslim atau bukan muslim, menghargai mereka adalah dituntut Islam . Antara teknik terbaik melayan jiran ialah mengucapkan salam apabila setiap kali bertemu untuk jiran muslim, manakala jiran bukan muslim pula persembahkanlah ucapan-ucapan lain yang berunsurkan penghormatan . Tidak terlalu banyak bertanyakan hal keadaannya sehari-hari kecuali yang terpenting sahaja seterusnya bersikap lemah lebut kepada anak jiran dan menganggap mereka seperti anak sendiri . Islam juga menuntut supaya mengutamakan jiran ketika mengadakan majlis keraian, menziarahi jiran sekiranya terdapat ahli keluarganya sakit . Tunjukkan perasaan sedih sekiranya jiran mendapat musibah, manakala mereka beroleh kejayaan pula, tunjukkanlah perasaan gembira dan ucapkanlah tahniah . Bersedia memberi kemaafan bagi setiap kesalahan mereka, tidak mendedahkan keburukan jiran, tidak menyakiti perasaan mereka, tidak menyempitkan atau menghalang laluan untuk ke rumah

<sup>25</sup> Muḥammad b. Ismā'īl al-Šan'añ (1979) *Subul al-Salām : Syarḥ Bulūgh al-Marām min Jam' al-Ālkām*, Kaherah : Maktabah 'Ātif, Riwayah al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, no. hadis : 1371, j .4 , h. 1538.

mereka, apabila membawa sesuatu ke rumahnya biarlah dalam keadaan bertutup, tidak mendengar cerita orang lain mengenai jiran terutama apa-apa yang berunsurkan fitnah . Dan seterusnya memberi tunjuk ajar secara bijaksana mana-mana yang jiran tidak mengetahui samada dalam urusan harian yang menyentuh keagamaan atau keduniaan<sup>26</sup> .

Melalui pemerhatian, hubungan yang erat antara jiran, masih lagi dipraktikkan di kampung-kampung dan juga di sebahagian kawasan di bandar-bandar . Namun di tengah kehidupan yang sedang membangun di bandar-bandar khususnya, hubungan antara sesebuah keluarga dengan jiran masing-masing hanya sekadar bertegur sapa, hanya sekadar melepaskan batuk di tangga . Walau apa pun dengan adanya kesedaran masyarakat terhadap hal ini diharapkan tuntutan Islam dalam memenuhi hak berjiran dapat dilaksanakan, supaya wujud sebuah negara yang bersatu padu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama .

#### **4.3.2(d)      Sahabat Handai**

Sahabat karib juga tidak kurang pentingnya dalam pergaulan hidup seharian, oleh itu memang wajarlah ayat al-Quran tersebut mengetengahkan “sahabat di samping” supaya hubungan persahabatan juga perlu diperkuatkan . Islam amat berbangga andainya terdapat seseorang anak yang menyambung

---

<sup>26</sup> al-Ghazālī (t.t.), *op. cit.* , j. 2, h. 213 .

kembali persahabatan ayahnya yang telah meninggal dengan anak-anak sahabat ayahnya, yakni berlaku pula persahabatan antara anak dengan anak . Di dalam Kitab-kitab Tasawuf banyak membicarakan tentang syarat-syarat memelihara persaudaraan dan persahabatan, khususnya oleh Imam al-Ghazālī di dalam *Iḥyā' 'Ulūm ad-Dīn*<sup>27</sup>.

Islam menggalakkan setiap keluarga mendidik anak-anak supaya memilih teman yang baik sebagai contoh untuk diikuti, kerana rakan sebaya yang banyak mempengaruhi kehidupan sosial seseorang . perkara ini memang terdapat dalam Hadis, yang contohnya, ialah :

عَنْ أَبِي مُوسَى رضيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا مُثُلُ الْجَلِيلِ الصَّالِحِ  
وَالْجَلِيلِ السُّوءِ كَحَامِلِ الْمَسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ فَحَامِلُ الْمَسْكِ إِمَّا أَنْ يَحْذِيَكُوكَمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ  
وَإِمَّا أَنْ تَحْدِرِي حَاطِيَّةً وَنَافِخَ الْكَبِيرَ إِمَّا أَنْ يَحْرُقَ ثِيَابَكُوكَمَّا إِنْ تَحْدِرِي حَاطِيَّةً.

#### Maksudnya :

“Diriwayatkan daripada Abu Musa r.a katanya: Daripada Nabi s.a.w baginda bersabda: Sesungguhnya perumpamaan berkawan dengan orang yang salih dan berkawan dengan orang yang jahat adalah seperti seseorang yang membawa minyak wangi dan seseorang yang meniup dapur tukang besi. Orang yang membawa minyak wangi, mungkin beliau akan memberikannya kepadamu atau mungkin kamu akan membeli darinya dan mungkin kamu akan mendapat bau yang harum darinya. Manakala orang yang meniup dapur tukang besi, mungkin beliau akan membakar pakaianmu dan mungkin kamu akan mendapat bau yang tidak elok ”.

<sup>27</sup> Hamka (1984), *op. cit.*, j. 5, h. 80 .

<sup>28</sup> Muslim b. al-Hajjāj al- Quṣayrī (1994), *op. cit.*, Kitāb al-Birr wa al-Šilah wa al-Adab, no. hadis : 6635, j. 16, h. 394 .

Ini bermakna setiap orang menjadi contoh, begitulah andainya setiap ahli keluarga yang cemerlang adalah implikasi dari hubungan baik dengan sahabat handai dan kawan-kawan yang cemerlang dan berbudi pekerti .

#### **4.3.2(e) Anak-anak Di Perantauan**

Ada keluarga yang sudah punyai anak yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara, lalu terlintaslah bagaimana keadaan anak itu berada di rantau orang, samada dilayan baik atau sebaliknya . Justeru itu, samalah juga dengan pendatang asing yang datang merantau ke negara kita, yang mengharapkan layanan baik, tidak kira samada mereka dari kalangan penuntut atau pekerja . Seterusnya sesiapa sahaja tetamu yang berkunjung ke rumah . Budi pekerti yang elok yang penuh keikhlasan perlu dipersembahkan oleh setiap ahli keluarga, baik dari kalangan isteri, suami dan anak-anak untuk tetamu . Sikap sebegini tidak akan wujud kecuali bagi keluarga yang kukuh dan kaya dengan keimanan . Hadis berikut dipaparkan buat renungan :

عن أبي هريرة رضى الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال و من كان يؤمِن  
بالله واليوم الآخر فليكرم ضيفه .<sup>29</sup>

#### **Maksudnya :**

“Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kiamat, maka hendaklah dia memuliakan para tetamunya ....”.

<sup>29</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *op. cit.*, Riwāyah al-Būkhārī, Kitāb al-Adab, no. hadis : 6138, j.10, h. 533 .

#### **4.3.2(f) Orang Suruhan**

Dalam ayat 36 memberi maksud hamba sahaya, walau apapun sekarang sudah tidak wujud lagi hamba sahaya, tetapi dalam susunan masyarakat zaman kini, antara kalangan kita memiliki pembantu rumah, tukang kebun, pelayan, pekerja dan sebagainya . Meninjau kepada sejarah, Rasulullah pernah mempunyai khadam iaitu sahabat beliau Anas bin Malik yang 8 tahun berkhidmat dengan Rasullullah s.a.w. sebagai khadam,<sup>30</sup> namun Anas berkata : “*Lapan tahun aku melayani baginda, namun tidak pernah baginda bercakap yang menyinggung perasaan* ”.

Ini bererti sebagai peringatan kepada setiap ahli keluarga supaya sentiasa berkelakuan baik dengan “orang-orang yang di samping” yang merangkap sebagai pekerja atau pembantu rumah .

Di dalam penutup ayat, Allah berfirman :

اَنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مِنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا .

**Maksudnya :**

“ Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombang sikap, sombang kata” .

Untuk mana-mana ahli keluarga yang tidak melaksanakan kewijapan berbuat baik terhadap golongan masyarakat tersebut, adalah dikira mempunyai

---

<sup>30</sup> Hamka (1984), *op. cit.*, j. 5, h. 83 .

dua sifat : Mukhtäl ( sompong sikap) dan fakhür( sompong kata). Sekali gus, kedua-dua sifat tersebut amatlah tidak disukai oleh Allah s.w.t.<sup>31</sup>

Justeru itu hindarkan perwatakan tersebut, dengan mempraktikkan akhlak yang baik yang dikehendaki Islam . Membina keluarga yang cintakan Allah akan terbinalah masyarakat yang bermoral dan beretika .

#### 4.4 MENJAGA TUTUR KATA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA AKHLAK MASYARAKAT DAN KELUARGA ISLAM

Ayat 148-149

﴿ لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهَرُ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلِمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلَيْهِمَا إِنْ تُبْدُوا خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا عَنْ سُوءٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُوفًا قَدِيرًا ﴾  
148  
149

**Maksudnya :**

“Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahanatan orang); kecuali oleh orang yang dianiyakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui”(148). “Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikannya atau kamu memaafkan kesalahan (yang dilakukan terhadap kamu), maka sesungguhnya Allah adalah Maha Pemaaf lagi Maha Kuasa”(149).

Terjemahan Surah al-Nisā'(4) : 148-149.

##### 4.4.1 Akhlak Islam Sebagai Asas Kehidupan

Akhlik adalah perkara yang paling penting dalam Islam, ia adalah saripati

<sup>31</sup> Sa'id Hawwā (1980), *op. cit.*, h. 185 .

dalam kehidupan dan ianya pasti bermula di rumah. Tuntutan Islam ke arah akhlak yang mulia dapat direalisasikan melalui komunikasi dan interaksi antara ahli keluarga dan seterusnya anggota masyarakat. Buktinya dapat dirakamkan melalui Hadis Rasulullah s.a.w. :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَيْثُ قَدِمَ مَعَ مَعَاوِيَةَ إِلَى الْكُوفَةِ، فَذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: لَمْ يَكُنْ فَاحِشًا وَلَا مُفْحَشًا. وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنَكُمْ خُلُقًا.

32

#### Maksudnya :

Hadis Abdullah r.a. katanya : Ketika Mu‘awiyah berkunjung ke Kufah, maka Abdullah bin ‘Amr bercerita tentang Rasulullah s.a.w. katanya : Rasulullah s.a.w. tidak pernah melampaui batas dan tidak pernah berbuat perkara keji . Beliau juga berkata : Rasulullah s.a.w. pernah bersabda : Sesungguhnya orang yang paling baik di antara kamu adalah orang yang paling baik budi pekertinya .

Al-Quran juga banyak menggambarkan sifat-sifat dan akhlak yang dikehendaki Islam yang perlu diterap dalam kehidupan berkeluarga melalui firman Allah :

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِيمَانَ لِفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ظَاهَرُوا وَعَمِلُوا  
الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّابِرِ ③

Surah al-‘Aṣr (103): 1-3.

<sup>32</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī (t.t.), *op. cit.*, Riwāyah al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, no. hadis 6039, j. 10, h. 452 .

### **Maksudnya :**

Demi Masa!(1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian;(2) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar (3).

Terjemahan Surah al-‘Aṣr (103): 1-3.

Melalui ayat tersebut terdapat empat akhlak yang disebutkan oleh Allah s.w.t. yang berkait rapat antara satu sama lain<sup>33</sup>, iaitu iman, amalan salih, saling menasihati tentang kebenaran dan kesabaran . Andainya dipisahkan antara keempat-empat ini, tidak sempurnalah seseorang itu dalam memenuhi kehidupan yang bercirikan Islam . Setiap individu yang berfikiran matang akan sedar bahawa pada diri seseorang termasuk dirinya sendiri pasti ada keistimewaan dan kekurangan . Contohnya ialah kekuatan, kepintaran, ilmuhan dan sebaliknya kelemahan<sup>34</sup>, kebodohan dan kejahilan . Justeru itu ketinggian budi pekerri yang akan membantu dalam membentras segala unsur-unsur negatif termasuklah angkuh, riak, terlampau merendah diri, hasad dengki dan sebagainya .

#### **4.4.2 Menjaga Tutur Kata**

Keluarga juga memainkan peranan penting dalam mengasuh dan mendidik ahli rumahnya supaya menjaga tutur kata yang boleh mengakibatkan terdedahnya keaiban orang lain di mata umum . Perlu diingat, bagi mereka yang suka mengumpat, mencela, memaki hamun, menzalimi, menindas golongan yang

---

<sup>33</sup> Sa‘id Ḥawwā (1980), *op. cit.* , h. 143 .

<sup>34</sup> Muṣṭafā al-Sibā‘ī (1987), *Akhlaqunā al-Jtimā‘iyah*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī , h. 10 .

lemah, berdendam, mendedahkan keaiban orang lain dan menjatuhkan maruah seseorang dalam sesebuah majlis keramaian adalah sebenarnya mereka tersebut masih jahil tentang ajaran Islam<sup>35</sup>. Sikap sedemikian adalah dilarang oleh Allah s.w.t. dan Rasulnya :

عَنْ أَبِي إِيْمَانْ عَمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ أَخْوَوُ الْمُسْلِمِ  
لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَحْبَهَ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ ، وَمَنْ فَرَجَ عَنْ  
مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ الْقِيَامَةِ ، وَمَنْ سْتَرَ مُسْلِمًا سْتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ  
<sup>36</sup> الْقِيَامَةِ .

#### Maksudnya :

“Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: Seorang muslim itu adalah saudara bagi muslim lain. Beliau tidak boleh menzalimi dan menyusahkannya. Barangsiapa yang mahu memenuhi hajat saudaranya, maka Allah pun akan berkenan memenuhi hajatnya. Barangsiapa yang melapangkan satu kesusahan kepada seorang muslim, maka Allah akan melapangkan salah satu kesusahan di antara kesusahan-kesusahan Hari Kiamat nanti. Barangsiapa yang menutup keaiban seseorang muslim, maka Allah akan menutup keaibannya pada Hari Kiamat”.

Ibu bapa menjaga keaiban anak-anak, anak-anak menjaga keaiban ibu bapa . Segala kesilapan perlu diperbetulkan melalui nasihat yang membina dan bukan dihadapan ahli rumah yang lain atau khalayak ramai . Imam al-Syāfi'i mengemukakan pandangannya bahawa sesiapa yang menasihati saudaranya secara sembunyi bererti ia telah membetulkan kesalahan dan membaiki diri

<sup>35</sup> *Ibid*, h. 63 .

<sup>36</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī (t.t.), *op. cit.* , Riwāyah al-Bukhārī, Kitāb al-Mazālim, no. hadis 2442, j. 5, h. 97 .

seseorang itu dan sesiapa pula yang menegur saudaranya dikhalayak ramai bererti ia telah mengaibkan dan memburukkan seseorang itu<sup>37</sup>.

عَنْ أَبِي أَيُوبَ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخاهُ فَوْقَ ثَلَاثَ نَيَالٍ , يَتَقَبَّلَانِ فَيُعَرِّضُ هُنَّا وَيُعَرِّضُ هُنَّا , وَخَيْرُهُمَا الْأُذْنِي بَيْنَهُمَا بِالسَّلَامٍ . <sup>٣٨</sup>

#### Maksudnya :

"Diriwayatkan daripada Abu Ayub al-Ansari r.a katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: Haram bagi seseorang muslim berkelahi dengan saudaranya lebih dari tiga malam, apabila keduanya bertemu saling memalingkan mukanya. Sementara itu, yang terbaik di antara keduanya adalah mereka yang mula mengucapkan salam".

Pepatah Melayu ada mengatakan : " Terlajak perahu boleh diundur terlajak Kata buruk padahnya ", " Sebab pulut santan binasa sebab mulut badan binasa ", manakala pepatah Arab pula : " لَيْنَ الْكَلَامُ قَيْدُ الْقُلُوبِ " , yang bermaksud : Kata-kata yang lemah lembut dan baik adalah sebagai lambang kepada hati yang tulus ikhlas dan baik . Sebagai kesimpulannya, asuhan keluarga dalam memantapkan tingkah laku dan tutur kata anak-anak adalah cermin keperibadian umat Islam .

<sup>37</sup> Muṣṭafā al-Sibā'i (1987), *Op. Cit.* , h. 63 .

<sup>38</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī (t.t.), *op. cit.*, Kitāb al-Adab, Bāb al-Hijrah, no. hadis 6077, j. 10, h. 492.

## **4.5 REALITI DALAM KEHIDUPAN ISLAM MASA KINI ADALAH**

### **AKIBAT PENGABAIAKAN AMANAT ALLAH**

Berdasarkan penyelidikan melalui beberapa media massa, samada akhbar, majalah, televisyen, radio, artikel dan internet, penulis memperolehi beberapa maklumat mengenai timbulnya pelbagai cabaran dan masalah yang dikira sebagai realiti kehidupan masyarakat Islam masa kini akibat pengabaian keluarga terhadap perintah Allah, antaranya :

#### **4.5.1 Gejala Sosial**

Pertentangan antara suami dan isteri dalam mendidik anak<sup>39</sup>, contohnya : Suami mendidik anak cara kekerasan manakala isteri pula mendidik anak dengan cara lembut dan manja<sup>40</sup> serta sebaliknya . Akibatnya timbul masalah dan gejala sosial di kalangan remaja dan dewasa yang terdedah kepada budaya hidup bebas, seperti penyalah gunaan dadah, penggunaan pil Ecstasy, mencabul kehormatan, seks bebas, pelacuran, pembuangan bayi(lihat lampiran 1), penderaan isteri, suami dan kanak-kanak (lihat lampiran 2), jenayah (rompak, curi dan bunuh), ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah, keganasan rumah tangga, lari dari rumah, penceraian semakin meningkat dan sebagainya .

<sup>39</sup> Muhammad 'Aqlah (1983), *op. cit.*, h.16 .

<sup>40</sup> Yusoff Zaky Yacob (1964), *op. cit.* , h. 199 .

#### 4.5.2 Kecurangan

Kejahilan suami isteri dalam ilmu rumah tangga dan seni pergaulan antara suami isteri serta budaya dan cara hidup antara suami dan isteri tidak sama, ditambah lagi masing-masing tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh . Suami sibuk dengan urusan kerja di luar rumah sehingga lupa untuk memberi layanan yang sepatutnya untuk isteri dan anak-anak<sup>41</sup>, gagal menghormatinya seperti dia ingin dihormati, hubungan hambar, kehendak emosi yang gagal dipenuhi membuatkan isteri berasa tidak dihargai<sup>42</sup>. Begitulah sebaliknya apa yang berlaku kepada suami yang juga tidak dihargai oleh isteri . Apa lagi kalau di pihak isteri pula yang berkerjaya dan lupa untuk memberi keutamaan untuk suami dan anak-anak. Akibatnya Isteri curang dan suami main kayu tiga . Hubungan lain akan terjalin seandainya masing-masing diberi lebih perhatian oleh lelaki lain atau perempuan lain .

---

<sup>41</sup> *Ibid*, h. 197.

<sup>42</sup> Abd. al-Halim Muhammad Abū Syaqah (1991), *Tahrir al-Mar'ah*, j.5, Kuwait : Dār al-Qalam li al-Nasyr Wa al-Tawzī', h. 248 .

#### **4.5.3 Kemerosotan Ekonomi Dan Hutang Keliling Pinggang**

Isteri yang tidak berhemah dalam berbelanja serta keterlaluan membuat tuntutan perbelanjaan sehingga tidak mampu dipenuhi oleh suami, atau suami yang banyak menghabiskan perbelanjaan di luar rumah sama ada di kedai kopitiam atau di kelab-kelab sehingga isteri dan anak-anak terbiar kesempitan wang<sup>43</sup>. Akibatnya keperluan harian tidak sempurna dan mulai membuat hutang dengan bank dan ceti-ceti haram. Akhirnya suasana rumah tangga menjadi lesu dan tidak bermaya.

#### **4.5.4 Penjagaan Ibu Bapa Yang Sudah Tua**

Alasan tiada kesempatan masa dan tidak ada orang untuk menjaga wargatua yang tidak bermaya kerana pasangan suami isteri yang mempunyai kerjaya masing-masing. Keperluan kepada penjagaan ibu bapa semakin meningkat. Kekurangan wang dan kesihatan merupakan dua perkara yang paling membimbangkan wargatua<sup>44</sup>. Dalam situasi yang amat ketara ialah semakin ramai wargatua yang dihantar ke Rumah Penjagaan Orang Tua oleh anak-anak mereka. Akibatnya keberkatan hidup dan restu ibu bapa sudah tiada lagi.

<sup>43</sup> Yusoff Zaky Yacob (1964), *op. cit.* h. 198.

<sup>44</sup> Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2000), *Keluarga Malaysia Sepntas Lalu*, Kuala Lumpur : terbitan LPPKN , helaian 6 .

Melalui laporan dari artikel terbitan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia, sesetengah institusi keluarga yang gagal menghadapi cabaran semasa dan telah mengakibatkan keruntuhan nilai-nilai moral adalah risiko dari sistem kekeluargaan yang lemah, tahap pengetahuan keibubapaan yang rendah di kalangan ibu bapa dan keadaan rumah yang tidak selesa, serta pengaruh dari rakan sebaya dan media massa .

Kesimpulannya, segala masalah yang dihadapi oleh keluarga akan menular menjadi masalah masyarakat, justeru itu bagi institusi keluarga tidak boleh mengabaikan segala amanat Allah yang telah sekian lama termaktub dalam al-Quran . Kebahagiaan hidup bermula pada diri individu, keluarga di rumah seterusnya ke luar rumah sama ada di sekolah, kelab-kelab persatuan<sup>45</sup> dan seterusnya ke seluruh anggota masyarakat .

---

<sup>45</sup> Dr. Muṣṭafā al-Sibā'i (1987), *op. cit.* , h. 129 .